

**K'jaan belum berhasrat mansuh hukuman mati**  
**Malaysiakini.com**  
**Disember 1, 2010**

Kerajaan belum berhasrat untuk memansuhkan hukuman mati terhadap kesalahan membunuh dan jenayah berat yang disabitkan di mahkamah.

NONETimbangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, berkata soal pemansuhan itu perlu diberi penelitian rapi kerana ia boleh memberi impak yang besar kepada sistem perundangan negara selain pindaan sewajarnya perlu dibuat kepada undang-undang jenayah tertentu.

radzi sheikh ahmad"Bagaimanapun kerajaan menyambut baik cadangan supaya hukuman mati dimansuhkan, dengan penelitian rapi dibuat dalam pelbagai aspek dan setelah mengambil kira pandangan dari pelbagai pihak," katanya ketika menjawab soalan Datuk Seri Mohd Radzhi Sheikh Ahmad (BN-Kangar) pada sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan juga tidak bercadang untuk menukar cara hukuman mati dijalankan berikutan hukuman gantung sampai mati yang dilaksanakan kini diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah Seksyen 281 sejak zaman British lagi.

student protest pwtc 150906 hanging guyBagaimanapun, katanya, kerajaan akan menimbang pandangan berkenaan kaedah lain yang lebih sesuai dan berperikemanusiaan mengikut peredaran zaman dan perubahan teknologi yang kini boleh menawarkan kaedah seperti "suntikan maut" sebagaimana dicadangkan Mohd Radzhi.

Menjawab soalan tambahan Karpal Singh (DAP-Bukit Gelugor) mengenai kewibawaan hakim dalam menjatuhkan hukuman ke atas kes yang dibicarakan di mahkamah, Liew berkata hakim melaksanakan tanggungjawab dan menjalankan hukuman berdasarkan keterangan saksi dan bukti yang dikemukakan semasa perbicaraan dan ia tidak boleh dipertikaikan.

karpal singhBerhubung bilangan kes pembunuhan yang dibicarakan di mahkamah dan disabit kesalahan sejak tahun 2000 sehingga tahun ini, Liew berkata 1,601 kes bunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan (Akta 574) didaftarkan di Mahkamah Tinggi dalam tempoh itu.

"Setelah melalui proses rayuan di Mahkamah Rayuan, 47 kes disabitkan di bawah Seksyen 302 Akta 574 yang direkodkan sabitan di Mahkamah Persekutuan," katanya.

Beliau berkata, hanya sembilan hukuman gantung dijalankan bagi kes yang disabitkan di bawah Seksyen 302 Akta 574 dan selebihnya belum dilaksanakan kerana masih menunggu keputusan Petisyen Jemaah Pengampunan Negeri.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/149684>